SOALAN NO : 168

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE-TIGA, PENGGAL KE-DUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BT. SURIP (MERBOK)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan dan kaedah untuk mempercepatkan proses dan menyelesaikan jumlah permohonan kewarganegaraan anak-anak yang masih tertangguh dan sudah lama.

SOALAN NO : 168

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memuktamadkan pengemaskinian prosedur pengendalian standard (SOP) permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan bagi individu berumur bawah 21 tahun. SOP berkenaan yang akan dilaksanakan bermula tahun hadapan, mengandungi mekanisme pemakluman kepada pemohon berkaitan sebab-sebab sesuatu permohonan kewarganegaraan itu ditolak serta tempoh pemprosesan permohonan kewarganegaraan.

Tempoh pemprosesan permohonan kewarganegaraan yang lengkap diterima bermula pada tahun hadapan adalah seperti mana berikut:-

a. Di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN): tiga (3) bulan, 14 hari; dan
b. Di Kementerian Dalam Negeri (KDN): lapan (8) bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penambahbaikan SOP berkenaan adalah berdasarkan kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan *Citizenship Rules* 1964 [LN82/1964] serta turut mengambil kira pelbagai aspek termasuklah kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.